

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 25 FEBRUARI 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 7

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1541-MQT3132

Tuan Tan Kar Hing [Gopeng] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen Kerajaan atas cadangan RUU Pembaharuan Semula Bandar (URA) yang akan memastikan tiada sesiapa pemilik tanpa kira kaum diusir daripada pemilikan tanah atau premis secara paksaan seperti yang dinyatakan dengan jelas Perkara 13 dalam Perlembagaan Persekutuan.

2. PR-1541-MQT3055

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah proaktif bagi menangani banjir pada setiap kali musim monsun serta faktor luar jangka di kawasan yang sering dilanda banjir serta berpotensi dilanda banjir pada masa akan datang.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 25 FEBRUARI 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 12

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1541-L28826
Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejak Ogos 2024 apabila buah durian segar dari Malaysia mendapat kelulusan untuk dieksport ke China, berapa jumlah keseluruhan eksport dalam tan metrik :
 - (a) bagaimana sambutan durian Malaysia di pasaran China; dan
 - (b) cabaran utama yang dijangka akan dihadapi oleh industri durian Malaysia dalam mengekalkan daya saing.
2. PR-1541-L28861
Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian bersedia mempertimbangkan untuk menaik taraf jalan seperti menarah bukit agar dapat mengurangkan kecuraman lereng Jalan Persekutuan FT234 Jalan Jerantut-Lipis yang terlalu tinggi khususnya di Bukit Mentimun dan Bukit Atap yang sering menyebabkan kenderaan berat terkandas sekaligus menghalang laluan.

3. PR-1541-L27716

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian dalam menggalakkan pengeluaran dan penggunaan barang-barang yang diperbuat melalui reka bentuk mesra alam *eco-design* bagi memastikan ketahanannya dan kebolehan digunakan semula atau dikitar semula, selari dengan usaha Kementerian dalam mengalihkan Malaysia ke ekonomi kitaran.

4. PR-1541-L28461

Tuan Haji Kamal bin Ashaari [Kuala Krau] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha proses pemutihan pekebun kecil telah dijalankan melalui RISDA di seluruh negara bagi memastikan tiada golongan sasar yang tercicir daripada bantuan musim tengkujuh serta berapa sasaran penerima manfaat yang terlibat mengikut negeri bagi tahun 2025.

5. PR-1541-L27693

Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [Putatan] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :

- (a) bagaimana Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera (PuTERA35) dapat menjadi jambatan kepada negeri Sabah untuk mencapai sifar kemiskinan tegar; dan
- (b) bagaimana pelan transformasi tersebut dapat didukung sebagai prinsip utama dalam memandu kejayaan siri Rancangan Malaysia tanpa dibatasi dengan pertukaran kepimpinan negara.

6. PR-1541-L28489

Tuan Afnan Hamimi bin Dato' Haji Taib Azamudden [Alor Setar] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :

- (a) strategi baharu yang dirangka untuk menarik minat syarikat-syarikat korporat bagi menaja kejohanan tempatan dan antarabangsa mengambil kira kesukaran memperoleh tajaan seperti penganjuran Le Tour de Langkawi; dan
- (b) usaha penambahbaikan berhubung garis panduan kepada Persatuan Sukan Kebangsaan untuk menerima dana Kerajaan.

7. PR-1541-L(5)00306

Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pengguna yang telah mendaftar di setiap *wellness hub* di seluruh negara, berapakah kos pembinaan bagi setiap *wellness hub* dan sejauh mana keberkesanan program IFitEr telah dinilai.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

8. PR-1541-L28807

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perancangan Kementerian bagi membaiki kerosakan dan menaik taraf infrastruktur termasuk jalan raya dan jambatan serta masalah hakisan di Parlimen Dungun berikutan beberapa siri banjir besar yang melanda.

9. PR-1541-L28610

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah skim bantuan yang tersedia untuk membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana di negara ini semasa tempoh peralihan apabila gaji minimum baharu dilaksanakan.

10. PR-1541-L28190

Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah polisi dan langkah Kementerian menangani iklan bahan lucah di media sosial, tabloid dan media massa dalam talian yang boleh menjadi faktor rangsangan berterusan untuk individu melakukan gangguan seksual dan berpotensi mengakibatkan rumah tangga berantakan.

11. PR-1541-L27626

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah masa depan Kerajaan untuk memastikan gaji minimum pekerja dalam tempoh lima tahun akan datang dapat dinaikkan dari RM1,700 sebulan sekarang kepada tahap kadar kemiskinan negara iaitu RM2,208 sebulan.

12. PR-1541-L28008

Tuan Zahari bin Kechik [Jeli] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah bentuk dan jumlah bantuan atau insentif yang ditawar oleh Kementerian bagi mengalakkan golongan belia untuk menceburi bidang pertanian dan penternakan serta senaraikan program-program latihan untuk mengalakkan belia-belia menceburi sektor pertanian dan penternakan dalam tempoh 2018 hingga 2024.

13. PR-1541-L28158

Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [Sri Aman] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan cadangan Kementerian untuk menyelesaikan masalah beban kerja melampau yang dihadapi oleh doktor, termasuk waktu kerja yang panjang, kekurangan sokongan kakitangan dan keadaan kerja yang tidak seimbang bagi memastikan kesejahteraan mental dan fizikal kakitangan kesihatan terjamin.

14. PR-1541-L27698

Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [Kuala Kedah] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kerangka kawalan, pengauditan dan penguatkuasaan pematuhan perundungan ke atas syarikat pemberi pinjaman berlesen bagi mengelak beban tunggakan hutang berganda ke atas peminjam.

15. PR-1541-L28676

Tuan Suhaizan bin Kaiat [Pulai] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan usaha pihak Kementerian untuk mengatasi masalah kemungkinan Amerika Syarikat akan mengenakan sekatan eksport cip AI dan kesan kepada ekonomi negara.

16. PR-1541-L29176

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mekanisme bagi mengatasi karenah birokrasi berikutnya aduan rakyat yang terpaksa menunggu hampir 5 jam bagi mendapatkan rawatan di Hospital Taiping.

17. PR-1541-L28737

Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [Kalabakan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk membina Institut Latihan Perindustrian (ILP) di Parlimen Kalabakan sebagai inisiatif strategik dalam memperkasakan pendidikan TVET bagi menyediakan peluang latihan komprehensif kepada belia setempat agar dapat menghasilkan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang mampu memenuhi tuntutan industri.

18. PR-1541-L27929

Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk membangunkan data raya berasaskan kecerdasan buatan (AI) dalam memantau penawaran, permintaan, perdagangan beras domestik dan antarabangsa, situasi stokpail negara, serta membina sistem amaran awal berdasarkan bukti data semasa.

19. PR-1541-L27849

Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching [Beaufort] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan satu lagi Program Perumahan Rakyat di Parlimen Beaufort bagi mengatasi masalah setinggan dan memenuhi keperluan tempat kediaman bagi golongan berpendapatan rendah.

20. PR-1541-L28450

Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapa jumlah penoreh getah dan pekebun kecil di Padang Terap dan berapa jumlah antara mereka yang dikategorikan sebagai B40 dan miskin tegar.

21. PR-1541-L28398

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :

- (a) berapa Pusat Khidmat Krisis Sehenti [One Stop Crisis Centre (OSCC)] yang beroperasi untuk membantu mangsa keganasan telah ditubuhkan di seluruh negara; dan
- (b) apakah Kementerian akan menjalankan audit dan menambahkan peruntukan untuk memperkasakan perkhidmatan OSCC yang terabai selama ini.

22. PR-1541-L27823

Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan impak negara-negara luar seperti Eropah dan Amerika Syarikat terhadap sektor pelaburan dan perdagangan negara sekiranya Malaysia menjadi anggota BRICS.

23. PR-1541-L27761

Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa peruntukan Kerajaan menyelenggara jalan Persekutuan dan jalan negeri pada 2024 untuk seluruh 11 negeri di Semenanjung Malaysia, WP. Putrajaya dan WP. Kuala Lumpur dengan jumlah panjang jalan Persekutuan dan negeri terlibat dan jumlah peruntukan untuk penyelenggaraan jalan-jalan yang sama di Sabah.

24. PR-1541-L28455

Tuan Haji Kamal bin Ashaari [Kuala Krau] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan langkah spesifik yang akan diambil oleh Kementerian untuk mempercepatkan usaha mengurangkan jurang pembangunan antara kawasan desa dan bandar, terutamanya daripada segi infrastruktur asas, perkhidmatan kesihatan, dan peluang pekerjaan khususnya di Parlimen Kuala Krau.

25. PR-1541-L28901

Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [Batang Luper] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah terdapat sebarang bentuk kawalan atau pemantauan ke atas iklan-iklan yang ditayangkan di platform seperti Facebook, Tiktok, Instagram dan Youtube yang bersifat jelik malah mempromosikan aktiviti perjudian atas talian.

26. PR-1541-L28792

Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :

- (a) senarai bilangan pekerja wanita yang berhenti kerja pada tahun 2024 mengikut sektor awam dan swasta ; dan
- (b) perincian berapa kerugian yang ditanggung Kerajaan disebabkan mereka berhenti kerja.

27. PR-1541-L28539

Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :

- (a) langkah Kementerian dengan PBT bagi memastikan perancangan bandar dan pembinaan jalan raya di Sungai Petani dilakukan secara menyeluruh, bukan hanya sebagai reaksi kepada pembangunan perumahan; dan
- (b) jumlah projek jalan raya yang dirancang di kawasan Sungai Petani dalam (RMKe-12), dan bagaimana ia diselaraskan dengan pembangunan perumahan.

28. PR-1541-L28520

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan kesan secara langsung dan tidak langsung ke atas pengeluar cip AI dan semikonduktor Malaysia akibat beberapa sekatan baharu yang diambil oleh Kementerian baharu Amerika ke atas negara China. Langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengekalkan daya saing industri ini.

29. PR-1541-L29166
Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan rancangan Kerajaan mempromosikan pembelian dan penggunaan kereta elektrik dan apakah sasaran pencapaian rancangannya.
30. PR-1541-L28830
Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [Tasek Gelugor] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan perancangan Kementerian untuk memastikan industri perfileman Malaysia dapat lebih berkembang maju terutama dengan memastikan penerbit mempunyai akses kepada modal yang cukup dan seterusnya manfaat yang adil daripada perkembangan ini dapat dinikmati oleh golongan pelakon dan artis negara kita.
31. PR-1541-L28963
Tuan Roy Angau anak Gingkoi [Lubok Antu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah terdapat kaedah serta strategi yang lebih berkesan untuk membantu pekebun kecil sayur-sayuran untuk memasarkan hasil tanaman dan produk mereka serta apakah bantuan yang disediakan untuk membantu pekebun kecil sayuran di kawasan Parlimen Lubok Antu.
32. PR-1541-L27856
Kapten Azahari bin Hasan [Padang Rengas] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan status terkini bekalan dan pengeluaran beras tempatan, termasuk langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kestabilan harga, kelangsungan pengeluaran dan ketersediaan beras bagi memenuhi keperluan domestik.
33. PR-1541-L29005
Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Kuala Pilah] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan status terkini pembangunan infrastruktur telekomunikasi bagi meningkatkan capaian liputan internet mudah alih bagi kawasan berpenduduk di Parlimen Kuala Pilah.
34. PR-1541-L27847
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah tegas Kementerian untuk memperketat dan menguatkuasakan undang-undang bagi mencegah penyelewengan dalam rantaian bekalan beras, khususnya bagi menangani kehilangan beras tempatan.

35. PR-1541-L28114

Dato' Verdon bin Bahanda [Kudat] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah Jalan Perhubungan Desa (JPD) dan Jalan Luar Bandar (JLB) yang telah diluluskan di Parlimen Kudat sepanjang tahun 2024.

36. PR-1541-L28620

Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [Gua Musang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambah kelengkapan perubatan dan bilangan petugas di Hospital Gua Musang bagi menangani kes-kes kecemasan yang semakin meningkat yang dirujuk ke hospital berkenaan.

37. PR-1541-L28496

Puan Young Syefura binti Othman [Bentong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kadar kejayaan program '*off-take agreement*' di bawah KKM untuk memperkasa pembuat ubat-ubatan tempatan. Berapa bilangan syarikat tempatan yang telah berjaya mengeluarkan ubat untuk digunakan oleh KKM dan sektor kesihatan swasta dan apakah jenis ubat yang dibekalkan oleh syarikat-syarikat ini.

38. PR-1541-L27867

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil bagi meningkatkan penyertaan petani untuk mendaftar skim takaful penanaman padi sebagai usaha untuk melindungi pendapatan daripada terjejas sekiranya berlaku bencana alam.

39. PR-1541-L29096

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :

(a) pencapaian Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) setakat ini khususnya di Sabah; dan

(b) pembaharuan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13) dari sudut pembahagian peruntukan pembangunan dan keutamaan projek bagi mempercepatkan pembangunan di Sabah di samping mengoptimumkan potensi ekonomi di kedua-dua buah wilayah ini.

40. PR-1541-L28363

Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status terkini pertumbuhan syarikat-syarikat GLC dan GLIC yang berkaitan dengan agenda Bumiputera, termasuk daripada segi sumbangan kepada ekonomi, penciptaan pekerjaan dan pelaburan strategik di kawasan luar bandar.

41. PR-1541-L28329

Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan kriteria penerima subsidi RON95 berdasarkan konsep pendapatan boleh guna bersih dan bagaimana ia memastikan ketetapan serta keadilan dalam pemberian subsidi ini terutamanya dalam konteks perubahan ekonomi semasa dan peningkatan kos sara hidup.

42. PR-1541-L28216

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan usaha-usaha Kementerian dalam mengawal kandungan media sosial yang memaparkan kebebasan hubungan sesama jenis secara terbuka yang dilihat boleh memberi kesan negatif kepada nilai-nilai agama, meruntuhkan norma moral masyarakat serta membawa impak negatif terhadap kesejahteraan sosial dan keharmonian negara.

43. PR-1541-L28569

Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun [Port Dickson] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimana Malaysia memanfaatkan perjanjian perdagangan serantau seperti Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dapat meningkatkan eksport negara dan apakah strategi kementerian untuk memperkuuh eksport produk tempatan, khususnya dalam sektor berimpak tinggi seperti teknologi.

44. PR-1541-L28797

Datuk Dr. Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan insentif atau sokongan yang perlu diberikan kepada pelabur tempatan dan asing bagi merangsang penglibatan mereka dalam pembangunan industri Rare Earth Elements (REE), terutamanya di peringkat pertengahan dan hiliran.

45. PR-1541-L28340

Puan Rodziah binti Ismail [Ampang] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan strategi dan pelan tindakan untuk memastikan Program PODIUM antara lapan inisiatif Agenda Prestasi Tinggi Negara mencapai matlamat kecemerlangan sukan di temasya sukan antarabangsa di samping sasaran pingat bagi Sukan Komanwel 2026, Sukan Asia 2026, Sukan SEA 2027 dan Olimpik 2028.

46. PR-1541-L28467

Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [Merbok] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah Kementerian telah mengkaji isu produktiviti pesawah, kos input pertanian yang tinggi dan kebergantungan kepada subsidi Kerajaan menjadikan sektor ini tidak stabil yang mungkin menyebabkan pengeluaran beras tempatan terjejas dan bekalan ke pasaran juga akan berkurangan.

47. PR-1541-L28242

Tuan Chiew Choon Man [Miri] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :

- (a) nisbah doktor-pesakit di Sarawak berbanding dengan peringkat nasional; dan
- (b) usaha Kementerian untuk menangani kekurangan doktor, termasuk langkah jangka pendek seperti penyerapan doktor kontrak ke jawatan tetap dan perancangan jangka panjang untuk meningkatkan kapasiti latihan perubatan di Sarawak.

48. PR-1541-L28863

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :

- (a) status peruntukan sebanyak RM178 juta bagi pemasangan lampu jalan baharu dan lampu isyarat pintar di Jalan Persekutuan; dan
- (b) bagaimana permohonan boleh dilakukan agar jalan gelap dan kerap kemalangan khususnya di Jerantut dapat dipasang lampu jalan.

49. PR-1541-L28480

Puan Young Syefura binti Othman [Bentong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dalam Persidangan Kawal Selia Antarabangsa (IRC) 2025 yang dianjurkan baru-baru ini, pihak KKM ada menyatakan tentang penggunaan kecerdasan buatan melalui MyMinda di dalam aplikasi MySejahtera. Sejauh manakah keberkesanan MyMinda setakat ini dalam mengenalpasti dan membantu individu yang mengalami kemurungan.

50. PR-1541-L28375

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan maklum balas keputusan siasatan mengenai kes bunuh diri doktor di Hospital Lahad Datu dan langkah untuk menangani isu tersebut daripada terus berlaku dalam sektor kesihatan.

51. PR-1541-L27840

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah drastik Kementerian dalam menangani masalah kos sara hidup para petani memandangkan penurunan harga belian padi antara RM1500 hingga RM1800 kepada RM1300 satu tan metrik yang dilihat tidak mencerminkan kos yang kian meningkat.

52. PR-1541-L28577

Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah pendekatan Kerajaan untuk melonjakkan pembangunan ekonomi sempadan Malaysia-Indonesia mengambil kira projek-projek pembangunan Nusantara di Kalimantan serta inisiatif baharu untuk memperkuuh kerjasama serantau seiring dengan pembangunan tersebut misalnya menerusi peranan Komuniti Ekonomi Borneo (BEC).

53. PR-1541-L28633

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan dan peruntukan untuk menambah baik lampu jalan dan papan tanda jalan di kawasan luar bandar di Sarawak. Apakah yang telah dilakukan oleh Kementerian bagi kawasan Parlimen Julau dalam tempoh dua tahun yang lepas.

54. PR-1541-L28468

Tuan Jimmy Puah Wee Tse [Tebrau] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah kereta elektrik dan pengecas yang telah didaftarkan di Malaysia setakat hari ini dan adakah Kerajaan bercadang untuk meneruskan insentif cukai jalan percuma selepas 2025.

55. PR-1541-L28133

Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan pecahan jumlah kategori kandungan dalam talian yang diturunkan oleh Kementerian sejak tahun 2024 dan sejauh manakah jumlah penurunan kandungan dalam talian ini memberi implikasi terhadap persepsi kebebasan media di Malaysia.

56. PR-1541-L28052

Datuk Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kesesakan jalan yang teruk di kawasan Kundasang dan juga di Pekan Ranau boleh diselesaikan jika pihak Kementerian menyediakan lebih banyak jalan pintas, jalan bertingkat, *outer ring road* (ORR) atau jalan alternatif baru di kawasan ini. Apa pandangan Kementerian.

57. PR-1541-L28769

Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah awalan yang diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan bekalan makanan utama mencukupi menjelang musim perayaan Aidilfitri sekaligus mengelakkan berlakunya kenaikan harga barang.

58. PR-1541-L28100

Datuk Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah kampung-kampung yang belum mendapat sumber bekalan elektrik luar bandar di daerah Ranau dan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk membantu supaya kampung-kampung di luar bandar ini mendapat bekalan elektrik yang secukupnya. Apakah yang telah dibuat oleh Kementerian sebelum ini untuk perkara ini.

59. PR-1541-L28327

Tuan Haji Mohd Syahir bin Che Sulaiman [Bachok] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memitigasi kesan negatif terhadap perdagangan luar negara Malaysia, mengambil kira ketidaktentuan ekonomi global akibat daripada perang perdagangan dan ketegangan geopolitik pada tahun 2025.

60. PR-1541-L28987

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan langkah Kementerian dalam mengatasi kekurangan pengilang Sistem Binaan Berindustri (IBS), berikutnya pelaksanaannya yang diwajibkan bagi projek swasta mulai Julai 2024.

61. PR-1541-L27628

Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [Hulu Selangor] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tindakan lebih serius yang akan diambil oleh Kementerian terhadap pengajur acara/program bagi memastikan sensitiviti dan kedaulatan negara sentiasa terpelihara pada masa akan datang.

62. PR-1541-L28141

Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah peruntukan dalam Belanjawan 2025 untuk membaiki kerosakan dan menaik taraf jajaran Jalan Sibu-Tanjung Manis sepanjang lebih kurang 80km yang mengalami kerosakan dan pemendapan atau *settlement* di sepanjang jajaran tersebut.

63. PR-1541-L27773

Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :

- (a) syarikat yang terlibat untuk menyediakan 3,173 unit MyKiosk dengan kos RM49.14 juta; dan
- (b) senarai jumlah MyKiosk di setiap 113 PBT yang telah menerima MyKiosk mengikut negeri dan PBT.

64. PR-1541-L28072

Tuan Ganabatirau A/L Veraman [Klang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan senarai projek penaiktarafan infrastruktur di Bandaraya Klang telah diumumkan sejak tahun 2023 dan 2024 yang akan disiapkan pada tahun ini.

65. PR-1541-L28760

Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah pihak KPKT bersedia mengkaji semula kedudukan balai bomba sedia ada daripada segi keberkesanan mencegah kebakaran dan jarak liputan kawalan oleh pihak bomba.

66. PR-1541-L28410

Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :

- (a) jumlah penerima yang telah berdaftar dengan sistem PADU di seluruh Kapar bagi tahun 2024 dan perincikan jenis bantuan Kerajaan bagi mereka; dan
- (b) berapa jumlah yang berdaftar di dalam sistem PADU yang berumur kurang daripada 35 tahun khususnya di kawasan Kapar.

67. PR-1541-L28139

Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk mengkaji semula yuran perkhidmatan jurutera perunding di bawah Akta Jurutera. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan perkhidmatan jurutera perunding sentiasa *up-to-date* dan menepati keperluan teknologi terkini.

68. PR-1541-L27790

Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan jangka pendek kepada para pesawah padi bagi membolehkan mereka dapat menjana pendapatan sampingan bagi menampung keperluan hidup sementara menunggu musim menuai.

69. PR-1541-L28218

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah mekanisme pemantauan bagi memastikan program di bawah PuTERA35 mencapai objektifnya dalam menangani ketidaksamaan ekonomi antara kumpulan etnik dan wilayah serta bagaimana PuTERA35 dapat mengurangkan kebergantungan pada subsidi dan meningkatkan keupayaan daya saing ekonomi golongan Bumiputera.

70. PR-1541-L28727

Tuan Riduan bin Rubin [Tenom] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian akan mengkaji semula harga lantai belian padi yang ditetapkan pada kadar RM1,300 bagi setiap tan kerana para petani terpaksa menanggung kenaikan kos input pertanian yang meningkat seperti kos benih dan diesel.

71. PR-1541-L28206

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status terkini projek bekalan air bersih di Kampung Orang Asli Sedohok, memandangkan projek ini telah tertangguh sejak tahun 2015 atas alasan belum mendapat kelulusan pelan daripada pihak konsultan yang dilantik.

72. PR-1541-L28509

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah untuk mengurangkan kos pengeluaran hasil pertanian dan bagaimana Kementerian memastikan petani dan nelayan mendapat harga yang adil bagi hasil mereka. Sejauh manakah kejayaan Kementerian dalam membendung pengaruh orang tengah dalam sektor ini.

73. PR-1541-L28929

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan bagaimana Kementerian memastikan pelaksanaan teknologi satelit dalam JENDELA fasa kedua akan berjalan lancar dan sesuai dengan keperluan pengguna yang berbeza di kawasan yang terlibat serta jangkaan kos yang digunakan.

74. PR-1541-L28663

Datuk Wetrom bin Bahanda [Kota Marudu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha semasa dan perancangan Kementerian bagi membantu dan menggalakkan penggunaan benih padi hibrid dalam kalangan pesawah di Sabah terutama di kawasan Kota Marudu ke arah meningkatkan pengeluaran beras.

75. PR-1541-L29043

Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan status terkini Projek Penempatan Semula Nelayan (PSN) Kampung Bira Biraan Kota Belud dan nyatakan secara terperinci masalah dan cabaran yang dihadapi.

76. PR-1541-L28859

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan mengapa Kementerian tidak membenarkan lesen dan bot nelayan jenis B dipindah milik atau di jual.

77. PR-1541-L28387

Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan Kerajaan untuk menaik taraf Klinik Desa di Batu 7 bagi memastikan penduduk mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan yang mencukupi termasuk penambahan doktor, jururawat dan peralatan perubatan.

78. PR-1541-L28945

Tuan Roy Angau anak Gingkoi [Lubok Antu] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah terdapat penyelesaian jangka panjang kepada masalah kualiti capaian internet yang masih lemah di sekitar kawasan Pekan Lubok Antu yang sepatutnya tidak menghadapi masalah dari segi akses kepada jalan dan elektrik.

79. PR-1541-L29199

Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk meluaskan Skim Perubatan MADANI bagi pengamal perubatan swasta (*general practitioners*) di daerah lain di Sabah seperti Sandakan, Tawau dan Keningau memandangkan negeri ini mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi serta cabaran logistik yang besar.

80. PR-1541-L27964

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan perincian bilangan pusat data yang sedang beroperasi di Malaysia dengan pecahan kapasiti megawatt (MW) bagi setiap satunya dan sejauh manakah Kementerian mengimbangi aspek kelestarian alam menerusi percambahan pusat-pusat data ini.

81. PR-1541-L28962

Dato' Seri Amirudin bin Shari [Gombak] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan langkah mitigasi dan persediaan oleh Kerajaan Persekutuan untuk menghadapi perubahan dasar tarif Amerika Syarikat. Memandangkan tarif menjadi antara komitmen utama Presiden baharu Amerika Syarikat, apakah persediaan Kerajaan supaya syarikat tempatan yang mengeksport barang tidak terkesan.

82. PR-1541-L27874

Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching [Beaufort] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan komitmen Kementerian dalam mengatasi 15.5 peratus atau lebih lima juta rakyat di Malaysia yang berdepan dengan masalah penyakit buah pinggang kronik (CKD).

83. PR-1541-L28557

Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan komitmen Kerajaan berhubung ketelusan mekanisme pengelasan 'T15' dalam menjamin penstrukturan subsidi yang adil ekoran cadangan TNB menaikkan tarif asas elektrik tatkala rakyat bakal dibebani kesan berantai (*chain reaction*) rasionalisasi subsidi RON95, peluasan skop SST serta pelaksanaan cukai-cukai baharu mulai tahun ini.

84. PR-1541-L29149

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk mewajibkan hospital swasta menyumbang kepada masyarakat dengan menyediakan biasiswa bagi menghasilkan lebih ramai doktor.

85. PR-1541-L28984

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dasar atau peruntukan khas untuk penurapan semula jalan-jalan pelbagai jenis dan kategori di kawasan-kawasan berkepadatan tinggi di bawah seliaan PBT bertaraf bandaraya, terutamanya jalan yang tidak pernah diturap semula lebih dari 20 tahun dan ke atas.

86. PR-1541-L28521

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :

- (a) perancangan Kerajaan dalam meningkatkan taraf sosioekonomi khusus kepada rakyat di negeri Perlis; dan
- (b) adakah Kerajaan akan meneruskan pembinaan Projek Pembangunan Pelabuhan Kuala Sanglang serta pembinaan infrakstruktur Pekan Baru Kuala Sanglang.

87. PR-1541-L28798

Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :

- (a) status terkini kajian kebolehlaksanaan Projek Terowong Dasar Laut Pulau Pinang; dan
- (b) apakah alasan, syor dan pandangan oleh Majlis Pembangunan Fizikal Negara tentang kebolehlaksanaan projek ini.

88. PR-1541-L28007

Tuan Chow Kon Yeow [Batu Kawan] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sama ada Kementerian akan menyeragamkan garis panduan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) bagi pelaksanaannya dalam kalangan pemain industri dalam negara. Apakah insentif serta sistem sokongan yang ditawarkan/disediakan dalam menjayakan inisiatif berkenaan.

89. PR-1541-L28484

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan justifikasi untuk membawa balik rakyat Malaysia yang sedang berkhidmat di institusi pendidikan tinggi di luar negara supaya kembali berkhidmat di dalam negara dan berapa bilangan tenaga pengajar yang terlibat serta apakah respon awal yang telah diberikan oleh mereka.

90. PR-1541-L28300

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan bagaimana Kementerian memastikan penganjur konsert mematuhi syarat-syarat keselamatan dan mengambil langkah pencegahan terhadap penyalahgunaan bahan terlarang semasa acara berlangsung.

91. PR-1541-L27758

Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian pada 2025 untuk meningkatkan hospital dan klinik Kerajaan yang kekurangan di Sabah serta tahap perkhidmatan kesihatan dan kekurangan tenaga kerja Kesihatan khasnya doktor pakar yang jauh ketinggalan dan tidak seimbang dengan yang berada di Semenanjung Malaysia.

92. PR-1541-L27696

Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [Putatan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah status jumlah pengagihan klinik perubatan swasta yang berdaftar di bawah Skim Perubatan MADANI di negeri Sabah setakat ini mencukupi dan dapat menampung jumlah penduduk di setiap daerah khususnya Daerah Putatan.

93. PR-1541-L27810

Tuan Edwin anak Banta [Selangau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pernahkah Kerajaan mengkaji kesan-kesan kenaikan gaji minimum dari RM1,500 ke RM1,700 terhadap masyarakat di luar bandar dari segi kos sara hidup dan mutu kehidupan.

94. PR-1541-L29024

Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [Bagan Serai] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan secara terperinci berapa jumlah yang telah dibelanjakan dan bilangan peserta yang telah menyertai program Agropreneur Muda sejak ia diwujudkan serta sejauh mana keberkesanannya dalam menarik minat golongan muda untuk menceburi sektor pertanian dengan lebih mendalam.

95. PR-1541-L27994

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan mengapa Kementerian masih belum melaksanakan penaiktarafan jalan Kampung Togop-Hamad-Tomis Baru-Kitapol-Tibabar-Poturidong walaupun kelulusannya telah diumumkan mantan Perdana Menteri semasa lawatannya ke Kiulu pada 22 Mac 2018 dengan peruntukan RM100 juta. Apakah status terkini terhadap kelulusan itu dan apakah inisiatif KKDW bagi menaik taraf jalan tersebut.

96. PR-1541-L27646

Dato' Sri Sh Mohamed Puzi bin Sh Ali [Pekan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha progresif Kementerian dalam meningkatkan pengeluaran beras tempatan serta meningkatkan lagi tahap sara diri beras negara yang kini berada pada paras 56.2 peratus.

97. PR-1541-L29126

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah pencegahan penjagaan kesihatan awam dengan memberi tumpuan terhadap penentu sosial kesihatan (SDH) bagi mewujudkan populasi yang lebih sihat di Malaysia.

98. PR-1541-L28104

Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [Tanjong Karang] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bagaimana keberkesanan Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera (PUTERA35) diukur dan apakah langkah tambahan yang diambil Kerajaan bagi mencapai keberhasilan pelan tersebut.

PADA PERMULAAN URUSAN MESUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. Menteri Kewangan

- * Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2024) 2025.

2. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

- * Rang Undang-Undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2025.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]** akan mencadangkan :

"Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Keempat, Parlimen Yang Kelima Belas."

Menyambung semula perbahasan atas masalah (24 Februari 2025)

2. (D.R.62/2024) Rang Undang-Undang BERNAMA (Pindaan) 2024. **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Komunikasi]

3. (D.R.63/2024) Rang Undang-Undang Majlis Media Malaysia " 2024.

[Menteri Komunikasi]

4. (D.R.1/2025) Rang Undang-Undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 2025. "

[Menteri Perpaduan Negara]

5. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan :

"MENYEDARI bahawa dalam sistem akauntabiliti negara, Institusi Ketua Audit Negara merupakan agensi penyeliaan yang berperanan untuk mengesahkan semua aktiviti dan kewangan yang telah diluluskan oleh Parlimen dilaksanakan oleh cabang badan eksekutif dengan penuh akauntabiliti. Ketua Audit Negara hendaklah menentukan sama ada pada pendapatnya wang telah digunakan untuk maksud yang diperuntukkan atau dibenarkan dan aktiviti yang berhubungan dengannya, dijalankan atau diuruskan dengan cara yang cekap, dengan memberi perhatian sewajarnya terhadap pengelakan pembaziran atau keborosan seperti termaktub dalam Akta Audit 1957 [Akta 62].

MENYEDARI Ketua Audit Negara dalam menjalankan mandat dan tanggungjawabnya, memerlukan perhatian yang serius daripada pihak berkaitan supaya isu yang dibangkitkan diberi perhatian sewajarnya manakala syor-syor utama yang terkandung dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) dilaksanakan dengan berkesan.

MENYEDARI bahawa LKAN telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada Isnin, 24 Februari 2025 iaitu LKAN 1/2025 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023.

MEMAHAMI bahawa LKAN membangkitkan isu-isu berkaitan perakaunan atau penjagaan wang awam atau simpanan awam yang memerlukan tindakan berkesan daripada kementerian, jabatan dan agensi yang diaudit.

MEMPERAKUI bahawa Kerajaan memandang serius isu yang dibangkitkan dalam LKAN, dan YAB Perdana Menteri sendiri sudah mengarahkan agar Menteri terlibat meneliti isu dibangkitkan. Segala isu yang melibatkan ketirisan, ketidakpatuhan kepada peraturan, tidak mematuhi syarat dan kelemahan dalam perancangan perlu diteliti dan diambil tindakan pembetulan. Semua teguran seharusnya menjadi pengajaran supaya tidak berulang.

BAHAWA dalam Ketua Audit Negara melaksanakan mandatnya, Dewan yang mulia ini menyeru agar semua pihak bersatu hati dan menyokong Kerajaan agar dapatkan Audit dan syor yang terkandung dalam laporan tersebut dapat diambil tindakan dengan serius oleh pihak terlibat untuk mengatasi kelemahan yang ditemui daripada terus berlaku."

- | | | |
|-------------------------------|--|-------------------------------|
| 6. (D.R.5/2025) | Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2025. | Bacaan Kali Yang Kedua |
| [Perdana Menteri] | | |
| 7. (D.R.4/2025) | Rang Undang-Undang Perkhidmatan Parlimen 2025. | " |
| [Perdana Menteri] | | |
| 8. (D.R.19/2024) | Rang Undang-Undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024. | " |
| [Perdana Menteri] | | |
| 9. (D.R.47/2024) | Rang Undang-Undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Pindaan) 2024 - Menyambung semula perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (10 Disember 2024) | |
| [Menteri Komunikasi] | | |

10. PR-1541-U(27)369

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk merangka dan membentangkan sebuah perancangan jangka masa panjang untuk 30 tahun ke hadapan dalam mencorak masa depan dan hala tuju negara di mana setiap Rancangan Malaysia 10 tahun, lima tahun dan belanjawan negara akan diselaraskan berpandukan perancangan tersebut.

Walaupun terdapat dasar sedia ada, tetapi perancangan ini tidak cukup kukuh untuk merancang secara holistik dan menyelesaikan '*complexity*' kerana tempoh adalah singkat dan sederhana. Kerajaan boleh mencontohi negara serantau dengan menyelaraskan rancangan 5 tahun dengan strategi jangka panjang, di mana setiap pelan dan dasar harus selari dengan visi jangka panjang.

Penjajaran strategik ini akan meningkatkan daya tahan negara dan meletakkan Malaysia sebagai pemain berdaya saing di peringkat global. Setiap RMK seharusnya berfungsi sebagai batu loncatan untuk mencapai wawasan keseluruhan, membolehkan peruntukan sumber yang lebih berkesan dan responsif kepada cabaran yang muncul."

[Menteri Ekonomi]

11. PR-1541-U(27)370

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk menubuhkan jawatankuasa khas yang terdiri daripada pelbagai Kementerian untuk mengkaji mekanisme memastikan kemampunan sistem penjagaan kesihatan dalam negara.

Perkhidmatan kesihatan awam, yang sudah mengalami tekanan seperti peningkatan permintaan, had kewangan dan ketidaksamaan dalam akses kepada penjagaan. Jawatankuasa khas merentas Kementerian berperanan menangani kebimbangan ini dan meneroka mekanisme pembiayaan yang inovatif dan inklusif.

Dengan mengutamakan kemampunan penjagaan kesihatan, kita boleh memastikan penjagaan kesihatan yang berkualiti kekal dapat diakses oleh semua rakyat, tanpa mengira status kewangan mereka, di samping mengurangkan beban kewangan kepada Kerajaan."

[Menteri Kesihatan]

12. PR-1541-U(27)371

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk mengorientasikan semula dasar penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk memupuk inovasi yang lebih besar dalam syarikat dengan meningkatkan kerjasama dengan universiti.

Dengan mewujudkan hubungan yang lebih kukuh antara penyelidikan akademik dan industri, matlamatnya adalah untuk memacu lebih banyak inovasi yang dikomersialkan yang boleh bersaing di peringkat global.

Pada masa yang sama, Kerajaan perlu meningkatkan fungsi institusi penyelidikan Kerajaan dengan memudahkan pemindahan teknologi global dan membantu syarikat tempatan memanfaatkan teknologi termaju.

Dengan menyediakan akses kepada sumber teknologi sedia ada, Kerajaan membolehkan syarikat memanfaatkan inovasi ini untuk pembangunan produk dan pertumbuhan perniagaan, akhirnya meningkatkan kelebihan daya saing Malaysia dalam pasaran global."

[Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi]

13. PR-1541-U(27)372

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan kertas putih strategi jangka pendek, sederhana dan panjang bagi menguatkuasakan peraturan yang lebih ketat mengenai penyelenggaraan kenderaan dan keselamatan muatan, meningkatkan pemeriksaan, dan mengenakan penalti yang lebih tinggi bagi pelanggaran peraturan jalan raya.

Statistik menunjukkan 825 kenderaan berat terlibat dalam kemalangan maut dalam tempoh sepuluh bulan pertama tahun ini, menyumbang kepada sebahagian besar daripada 17,905 kemalangan maut.

Latihan tetap untuk pemandu kenderaan berat, ditambah dengan keperluan pelesenan yang dipertingkatkan, akan memastikan amalan keselamatan jalan raya yang lebih baik. Pelaburan dalam infrastruktur dan teknologi jalan raya, seperti sistem keselamatan dalam trak, juga penting untuk meminimumkan risiko. Kempen kesedaran awam dan pengumpulan data yang lebih baik boleh menyasarkan lagi tempoh berisiko tinggi, seperti musim perayaan, untuk mencegah kemalangan dan meningkatkan keselamatan jalan raya secara keseluruhan."

[Menteri Pengangkutan]

14. PR-1541-U(27)384

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khasnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru di samping menyelesaikan masalah ketidakcukupan benih padi di pasaran. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia.

Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Myanmar yang mempunyai tanaman baka padi yang berdaya komersial tinggi. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera.”

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

15. PR-1541-U(27)385

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan mengambil langkah proaktif dalam menangani kes penderaan kanak-kanak yang berlarutan dan sehingga kini belum ada penyelesaian tuntas. Statistik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menunjukkan sehingga November 2023, kira-kira 1,069 kes penderaan kanak-kanak dilaporkan yang disebabkan oleh kecuaian ibu bapa dan penjaga.

Kanak-kanak adalah masa depan negara. Usaha menangani isu pengabaian dan penderaan kanak-kanak yang dilihat membimbangkan perlu ditangani secara menyeluruh dan membabitkan pelbagai pihak.

Lantaran itu, pihak Kerajaan wajar menangani lantas menghentikan kitaran dera ini dengan target ‘Dera Sifar’ menerusi langkah-langkah proaktif seperti mewajibkan kursus penjagaan anak, mewujudkan sistem pemantauan berkala serta meneliti semula undang-undang serta garis panduan yang berkaitan. Perkhidmatan dalam hal membabitkan perlindungan, pemulihan dan pemeliharaan kanak-kanak perlu diperkuuh dan direalisasikan. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera.”

[Menteri Dalam Negeri]

16. PR-1541-U(27)386

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara terperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan makanan asas seperti beras tempatan, ayam dan telur ayam di pasaran.

Perancangan penyelesaian jangka pendek, jangka panjang yang komprehensif serta penguatkuasaan yang lebih 'keras' terhadap golongan kartel orang tengah antara faktor pengukuhan daya pengeluaran bekalan makanan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bekalan makanan.

Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan makanan kepada pengguna sebagai *end user* mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi perlu mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah bagi memastikan keterjaminan makanan (*food security*). Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

17. PR-1541-U(27)387

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat situasi iklim yang tidak menentu serta kenaikan harga barang. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan sering kali mendatangkan kerugian besar hingga jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam.

Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka. Memohon pihak kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

18. PR-1541-U(27)388

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia-Thailand adalah sepanjang kira-kira 656km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron.

Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barang termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan.

Mohon pihak Kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia-Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Perdana Menteri]

19. PR-1541-U(27)389

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan di peringkat negeri diberikan mengikut keutamaan dan keperluan Kerajaan Negeri. Berdasarkan pelan RMKe-12, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan.

Namun begitu, terdapat beberapa projek yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan tidak mengambil kira cadangan dan hasrat Kerajaan negeri khususnya di Perlis untuk mempelbagaikan fungsi sesuatu projek sedangkan Kerajaan negeri mempunyai dasar serta hala tuju yang telah mengambil kira pelbagai keperluan dan kehendak semasa serta pada masa hadapan. Misalnya, Projek Lencongan Banjir Barat Timah Tasoh yang telah dilaksanakan pada tahun 2015, di mana dalam pembinaan terowong banjir terdapat skop pembinaan pada item pencahayaan di dalam terowong berjumlah RM300 ribu.

Namun, skop berkenaan telah dikeluarkan atas alasan penjimatan. JPS Perlis selaku pelaksana projek telah membangkitkan perkara ini supaya dikekalkan atas faktor keselamatan dan memudahkan kerja pemantauan serta penyelenggaraan di dalam terowong di masa hadapan. Akan tetapi, ianya masih tetap dikeluarkan daripada skop asal projek. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Menteri Ekonomi]

20. PR-1541-U(27)390

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Kerajaan tidak boleh hanya memperkenalkan inisiatif yang hanya sekadar *rebranding* daripada Kerajaan sebelum ini kerana perubahan yang besar perlu dilakukan bagi mendepani kenaikan kos pembinaan disebabkan kenaikan harga barang binaan.

Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja.

Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini juga akan terus menjadi mangsa kepada harga hartanah yang melambung akibat spekulasi hartanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

21. PR-1541-U(27)391

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media.

Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan. Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiaran berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan.

Oleh hal demikian, Kerajaan digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Menteri Komunikasi]

22. PR-1541-U(27)392

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengkaji semula kawasan masuk dan keluar sempadan Malaysia-Thailand di Wang Kelian, Perlis. Sebelum ini, penduduk kedua-dua negara boleh menikmati kemudahan bergerak sehingga dua kilometer tanpa menggunakan pasport atau pas sempadan pada hari minggu.

Kuatkuasa itu pernah dibuat bermula tahun 1993 hingga 2015. Akan tetapi, penarikan semula kemudahan kebebasan bergerak ini telah dibuat pada tahun 2015 kerana penemuan rangka manusia mangsa sindiket pemerdagangan manusia yang dipercayai etnik Rohingya.

Susulan itu, Wang Kelian menjadi pekan mati hingga kini. Kerajaan Negeri Perlis cuba membangunkan semula kawasan pelancongan di Wang Kelian, namun ianya tidak semeriah dahulu.

Justeru itu, Kerajaan diharapkan dapat mengkaji dan mempertimbangkan semula untuk memberi kemudahan bergerak di antara kedua-dua negara seperti sebelum ini. Dengan kemudahan tersebut, ianya akan dapat menjana semula perkembangan ekonomi

khususnya buat penduduk tempatan yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2015. Semasa adanya ‘Free Flow’ ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand menambahkan pendapatan mereka. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera.”

[Menteri Dalam Negeri]

23. PR-1541-U(27)393

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan mengkaji semula dasar sedia ada yang berkaitan Warisan Arkeologi Negara dan merangka satu pelan tindakan khusus bagi memartabatkan Warisan Arkeologi Negara yang ditemukan. Penemuan-penemuan arkeologi seperti artifak tembikar, seramik, lukisan purba, rangka manusia purba dan lain-lain artifak amat penting untuk dihayati dan dipelajari kerana data yang dihasilkan dapat membantu merungkai persoalan-persoalan tentang perkembangan hidup dan tamadun manusia silam.

Malahan, ia juga boleh dijadikan sebagai salah satu sumber rujukan pensejarahan negara yang utama. Akan tetapi masih banyak lagi tapak-tapak penemuan arkeologi yang ditemukan tidak dikaji sepenuhnya kerana beberapa faktor terutamanyakekangan kewangan hingga menyebabkan kebanyakan tapak tersebut ditinggalkan tanpa sebarang kajian menyeluruh mahupun pemeliharaan khusus.

Oleh yang demikian, Kerajaan melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) wajar mengkaji dan merangka satu pelan tindakan bagi memartabatkan Warisan Arkeologi Negara yang ditemukan supaya tapak-tapak arkeologi tersebut dapat dijadikan sebagai subjek kebanggaan dan identiti negara yang berbilang kaum dan agama yang boleh dihayati dan diambil iktibar.

MOTAC amnya boleh mengambil contoh kerangka tindakan daripada negara lain seperti China, Korea, Jepun dan Turki tentang kaedah-kaedah kajian, pemeliharaan dan pemuliharaan yang telah mereka berjaya lakukan melalui kerjasama strategik antara negara.

Hal ini juga sekaligus akan dapat menangani isu kemerosotan minat generasi muda terhadap Sejarah kerana generasi ini dilihat lebih cenderung untuk mengikuti perkembangan teknologi digital dan hiburan. Pembentukan generasi muda yang bakal menjadi pemimpin negara amat penting melalui pendekatan sejarah ini agar semangat kenegaraan atau cinta akan negara itu dapat dipupuk sebaiknya. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera.”

[Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya]

24. PR-1541-U(27)394

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menyegerakan kelulusan dan penyaluran peruntukan pembangunan infrastruktur dan kemudahan terutamanya melibatkan penurapan tar di jalan-jalan yang menghubungkan laluan ke perkampungan Orang Asli dan memperbanyakkan pemasangan lampu jalan di Nenggiri, Kelantan.

Dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Dun Nenggiri baru-baru ini, pihak Kerajaan telah mengetahui bahawa kawasan tersebut memerlukan peruntukan pembangunan infrastruktur dan kemudahan yang menyeluruh khususnya di kawasan perkampungan Orang Asli seperti Pos Gob, Pos Tohoi, Pos Simpor dan Pos Pasik.

Oleh yang demikian, Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) wajar mengambil perhatian dan tindakan segera terhadap kekurangan infrastruktur dan kemudahan di kawasan perkampungan Orang Asli di Nenggiri Kelantan kerana mereka juga adalah sebahagian daripada rakyat negara ini yang mempunyai hak untuk menikmati segala kemudahan yang disediakan kerajaan. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah]

25. PR-1541-U(27)395

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan Persekutuan melaksanakan pembayaran royalti petroleum kepada negeri Terengganu dan Kelantan sebagai komitmen dalam memastikan pengagihan hasil petroleum yang adil dan saksama.

Tuntutan ini adalah selaras dengan hak rakyat dan negeri sebagaimana termaktub dalam Akta Kemajuan Petroleum 1974. Kedudukan pelantar minyak juga bersetentang dengan kawasan perairan negeri Terengganu dan Kelantan. Prinsip Federalisme perlu dihormati dan dipatuhi Kerajaan Persekutuan dengan menunaikan hak yang dituntut oleh rakyat di kedua-dua negeri tersebut. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Menteri Kewangan]

26. PR-1541-U(27)396

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan Persekutuan melaksanakan pembayaran Wang Ehsan kepada negeri-negeri di bawah pentadbiran Pembangkang. Pembangunan seimbang antara wilayah amat penting agar rakyat menikmati kemudahan infrastruktur dan kemudahan yang setara. Bantuan Wang Ehsan ini akan dapat membantu negeri-negeri tersebut melaksanakan agenda pembangunan dan kesejahteraan rakyat amnya. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Perdana Menteri]

27. PR-1541-U(27)397

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan Persekutuan memberikan sepenuh perhatian kepada Beting Patinggi Ali, yang juga dikenali sebagai Luconia Shoals, terletak di perairan Sarawak dan merupakan sebahagian daripada Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) Malaysia. Isu pencerobohan oleh kapal dan pesawat asing, terutamanya dari China telah menjadi persoalan rakyat memandangkan ia berkaitan dengan kedaulatan negara dan kepentingan awam. Sejak tahun 2013, Malaysia telah melaporkan pencerobohan berulang oleh kapal Pengawal Pantai China (CCG) di kawasan ini. Tuntutan China terhadap Beting Patinggi Ali dianggap tidak berasas kerana lokasi geografi kawasan tersebut yang lebih dekat dengan pantai Malaysia (84 nautica miles dari Miri) berbanding dengan tanah besar China (sekitar 1000 nautica miles).

Walaupun Malaysia menganggap Beting Patinggi Ali sebagai miliknya, Kerajaan masih berpendirian terdapat tuntutan bertindih dengan China. China menuntut sebagian besar wilayah di Laut China Selatan berdasarkan garis sembilan dash yang mereka tetapkan, yang telah ditolak oleh Mahkamah Permaianan Tetap (PCA) pada tahun 2016. Keputusan PCA ini memberikan Malaysia posisi yang lebih kuat untuk menegaskan haknya di kawasan tersebut.

Untuk memastikan kedaulatan ke atas Beting Patinggi Ali, Malaysia perlu meningkatkan lagi kehadiran aset ketenteraan di kawasan tersebut bagi mengukuhkan tuntutan negara terhadap pulau tersebut dan mempergiatkan keberadaan Malaysia di pulau berkenaan. Mohon kerajaan untuk lebih tegas dalam pendiriannya di mana isu Beting Patinggi Ali adalah hak mutlak Malaysia seperti mana termaktub dalam Konvensi Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Hukum Laut (UNCLOS) dan bukannya tuntutan bertindih dengan mana-mana negara asing. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Menteri Pertahanan]

28. PR-1541-U(27)398

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan Persekutuan memberikan hak royalti kepada negeri Kelantan yang tidak dibayar oleh Kerajaan Persekutuan sering kali menjadi perdebatan hangat, terutamanya berkaitan dengan alasan "lebih 3 batu nautika". Kelantan, sebagai salah satu negeri pengeluar minyak di Malaysia, telah lama menuntut hak royalti minyak yang sepatutnya diterima. Namun, Kerajaan Persekutuan berpendapat bahawa Kelantan tidak layak menerima royalti tersebut kerana kedudukan telaga minyak yang terletak lebih dari tiga batu nautika dari pesisir pantai negeri tersebut.

Kerajaan Persekutuan perlu menyemak atau meminda kembali istilah "tiga batu nautika" yang tidak pernah dinyatakan dalam perjanjian asal dengan Petronas. Berpendapat bahawa Akta 144 tidak menetapkan jarak tertentu untuk hak milik telaga minyak. Tambahan lagi, Telaga minyak yang dimiliki Kelantan terletak kira-kira 80 batu nautika dari pesisir pantai, dan terdapat dakwaan bahawa telaga-telaga ini berada dalam kawasan yang dipertikaikan antara Kelantan dan Terengganu. Ini menimbulkan persoalan mengenai keadilan dan keseragaman dalam pembayaran royalti, terutama apabila negeri-negeri lain seperti Terengganu menerima royalti walaupun mereka juga terletak jauh dari pantai.

Dicadangkan penubuhan jawatankuasa bebas yang terdiri daripada wakil Kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan dan pakar undang-undang untuk meneliti semula perjanjian royalti dan isu-isu berkaitan. Ini dapat memastikan bahawa semua pihak terlibat dalam proses perbincangan yang adil dan terbuka serta mencari penyelesaian yang memuaskan kedua-dua belah pihak. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Menteri Kewangan]

29. PR-1541-U(27)399

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan Persekutuan untuk mempertimbangkan pembinaan jalan sempadan antara Malaysia dan Indonesia, khususnya di kawasan Sabah dan Kalimantan ini adalah penting untuk pelbagai aspek yang melibatkan ekonomi, keselamatan, dan pembangunan infrastruktur yang akan memulangkan hasil lumayan kepada Malaysia. Didapati bahawa jalan sempadan Malaysia – Indonesia ini akan meningkatkan kebolehcapaian antara kedua-dua negara, memudahkan pergerakan barang dan perkhidmatan. Ini akan merangsang aktiviti ekonomi di kawasan sempadan seperti Kalabakan dan Serudong, serta meningkatkan peluang perniagaan bagi penduduk tempatan.

Diingatkan, dengan pemindahan ibu negara Indonesia ke Kalimantan Timur (Nusantara), terdapat potensi besar untuk pertumbuhan ekonomi di kawasan sempadan. Pembinaan jalan akan membolehkan Sabah memanfaatkan perkembangan ini dengan lebih baik, termasuk dalam sektor pelancongan dan perdagangan rentas sempadan. Jalan sempadan ini dapat menghubungkan kampung-kampung pedalaman dengan bandar-bandar utama, memudahkan akses kepada pendidikan, kesihatan, dan peluang pekerjaan bagi penduduk di kawasan terpencil.

Pembinaan jalan sempadan Malaysia – Indonesia juga berpotensi memperkuatkan hubungan sosial dan budaya antara masyarakat di kedua-dua negara. Ini termasuk pertukaran budaya melalui pelbagai aktiviti sosial dan ekonomi yang dapat dijalankan lebih mudah dengan adanya infrastruktur yang baik. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Perdana Menteri]

30. PR-1541-U(27)376

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera memperbaharui dasar insentif kenderaan diesel komersial menerusi penetapan piawaian Euro 5 sebagai keperluan minimum menjelang tahun 2026 bagi menggalakkan peralihan yang lebih pantas terhadap penggunaan teknologi rendah emisi dan secara tidak langsung menyumbang sebagai penyelesaian jangka panjang dalam menjaga kualiti udara negara.

Pada ketika ini, negara-negara jiran telah mula mengorak langkah lebih ke hadapan seperti Singapura yang telah lama beralih kepada penggunaan Euro 6 dan Thailand yang menerapkan Euro 5 sebagai piawaian minimum sedangkan Malaysia hanya melaksanakan piawaian Euro 4 mulai Januari 2025 dengan pemberian insentif 50 peratus kepada semua kenderaan yang memenuhi piawaian tersebut.

Ketinggalan ini ternyata menjaskan daya saing Malaysia di peringkat serantau di samping meningkatkan risiko kesihatan sejagat akibat pelepasan nitrogen oksida dan zarah halus.

Kerajaan wajar mempercepatkan peralihan ini bagi memastikan pengurangan pelepasan bahan pencemar selaras dengan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Bahan Api Petrol dan Diesel) 2007. Penguatkuasaan yang ketat dan sokongan infrastruktur yang lebih baik menerusi kerjasama rapat Kerajaan bersama pemain industri perlu disinergikan untuk memastikan peralihan ini kelak berjalan lancar."

[Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]

31. PR-1541-U(27)377

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera mengkaji semula kadar pelepasan cukai untuk individu dan tanggungan yang kini masih berjumlah RM9,000 dan tidak pernah disemak sejak tahun 2010.

Setelah 15 tahun berlalu, inflasi telah meningkat dengan ketara dan amaun tersebut tidak lagi realistik jika dibandingkan kos sara hidup pada hari ini. Atas pertimbangan tersebut, Kerajaan wajar menaikkan amaun pelepasan diri dan tanggungan ke RM12,000 yang bersamaan dengan RM1,000 setiap bulan, bagi menggambarkan senario serta realiti sebenar kehidupan rakyat Malaysia pada hari ini.

Malah dengan peningkatan amaun pelepasan cukai untuk individu dan tanggungan ini secara tidak langsung akan membantu golongan B40 dan M40 yang amat terkesan dengan inflasi dan seterusnya mencerminkan keprihatinan Kerajaan dalam mengurangkan beban rakyat."

[Menteri Kewangan]

32. PR-1541-U(27)378

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk memartabatkan pengamalan Rukun Negara dalam menjadi tonggak identiti, perpaduan dan keutuhan rakyat Malaysia.

Mutakhir ini, negara disajikan dengan berita dan laporan mengenai kes- kes penyebaran ucapan kebencian, penghinaan dan provokasi yang berbaur perkauman, ketegangan kaum, penipuan dan penegasan unsur- unsur subversif yang berpotensi mencetuskan ketegangan antara kaum dan agama di Malaysia menerusi pengguna di platform media sosial.

Media sosial hari ini juga kian dipenuhi dengan lambakan sikap ketidaksopanan dan kebiadaban dalam perbincangan sehingga menjadi seperti satu kelaziman untuk para pengguna media sosial menggunakan bahasa kasar, lucah malah menyerang peribadi antara satu sama lain sehingga mengabaikan nilai kesopanan.

Hal ini mencerminkan kelemahan penghayatan nilai serta elemen Rukun Negara itu sendiri dalam kalangan rakyat Malaysia dan justeru itu, menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk mewujudkan sebuah mekanisme yang lebih berkesan dalam menyuburkan pembudayaan setiap prinsip yang terkandung di dalam Rukun Negara sebagai penawar bagi menangani gejala kebejatan akhlak sebegini di platform media sosial. "

[Menteri Perpaduan Negara]

33. PR-1541-U(27)379

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengkaji semula cukai korporat Malaysia yang sehingga kini adalah antara yang tertinggi di Asia Tenggara iaitu sebanyak 24 peratus berbanding negara-negara jiran lain seperti, Singapura (17 peratus), Brunei (18.5 peratus), Cambodia (20 peratus), Vietnam (20 peratus), Thailand (20 peratus), dan Indonesia sekitar 21 peratus.

Perbandingan ini semakin jelas jika dilihat dengan situasi kadar cukai Amerika Syarikat (AS). Pada tahun 2016, cukai korporat mereka adalah sekitar 35 peratus, namun kini cukai korporat mereka telah turun sehingga 21 peratus manakala Malaysia kekal pada kadar sama iaitu 24 peratus sehingga sekarang.

Kadar cukai korporat yang tinggi ini ternyata melemahkan daya saing Malaysia untuk bersaing dengan negara-negara jiran bagi menarik tumpuan pelabur untuk melabur di sini.

Oleh yang demikian, Kerajaan perlu merangka satu kajian yang lebih komprehensif bagi menurunkan kadar cukai korporat ini agar setanding dengan kadar serantau untuk menjadikan Malaysia lebih kompetitif serta berdaya maju dalam meraih tumpuan pelabur antarabangsa yang akhirnya akan menguntungkan negara, peniaga dan rakyat jelata. "

[Menteri Kewangan]

34. PR-1541-U(27)380

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk memastikan kenaikan caj perubatan di hospital dan klinik swasta yang semakin mendapat perhatian di kebanyakan negara termasuk di Malaysia segera ditangani dengan baik oleh Kerajaan memandangkan implikasinya yang besar kepada para pesakit serta sistem kesihatan negara secara keseluruhannya.

Pelbagai faktor mendorong kepada isu ini dengan antaranya ialah kadar caj konsultasi doktor (GP) swasta yang dikawal oleh Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (PHFSA) 1998 tidak pernah mengalami sebarang perubahan selama lebih 32 tahun dan menyebabkan pihak terbabit terpaksa menaikkan caj kos operasi yang semakin meningkat, termasuk sewa premis, kos utiliti, peralatan perubatan serta perbelanjaan berkaitan teknologi dan sumber manusia telah meletakkan tekanan besar ke atas klinik swasta.

Situasi tersebut juga diburukkan lagi oleh isu berkaitan Pentadbir Pihak Ketiga (TPA) yang menguruskan pembayaran bagi pesakit yang mempunyai insurans kesihatan yang turut mengalami kenaikan.

Oleh yang demikian, Kerajaan digesa untuk meminda Akta Perkhidmatan Hospital Swasta bagi menetapkan kadar maksimum bagi caj rawatan selain konsultasi doktor, seperti caj penginapan dan penggunaan alat perubatan selain memperkenalkan sistem tiering seperti penarafan hotel bagi membezakan hospital berdasarkan tahap perkhidmatan, membolehkan syarikat insurans menawarkan pelbagai pakej berdasarkan akses kepada hospital tertentu, sesuai dengan kemampuan pelanggan serta mempergiat inisiatif di bawah kerjasama awam dan swasta bagi menyediakan rawatan mampu milik kepada golongan berpendapatan rendah. "

[Menteri Kesihatan]

35. PR-1541-U(27)381

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan semula keputusan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang menjual hampir 10 peratus kepentingan saham ketika harga rendah selepas Disember 2022, sedangkan KWSP telah lama merancang untuk menambah lebih banyak saham Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) untuk menswastakannya.

Pada 29 November 2022, KWSP telah memiliki 259,917,492 saham iaitu sekitar 15.67 peratus di dalam MAHB dan dalam tempoh satu tahun, KWSP telah menjual 163,363,080 saham, atau hampir 10 peratus kepentingan pada harga sekitar RM6.74 hingga RM7.70 sesaham. Manakala pada 28 Disember 2023 pula, akhirnya KWSP hanya memiliki 96,554,412 saham atau 5.79 peratus sahaja.

Penjualan sebegini besar dalam tempoh singkat tidak pernah berlaku sebelum ini dan ini menimbulkan persoalan mengapa saham tersebut dijual pada harga rendah tetapi dibeli semula pada harga RM11.00 dengan implikasinya ialah KWSP akan terpaksa membayar tambahan sebanyak RM539 juta sehingga RM696 juta bagi membeli balik saham tersebut.

Justeru itu, Kerajaan digesa untuk mempertimbang dan mengkaji semula keputusan ini dengan lebih berhati-hati memandangkan perkara ini telah menimbulkan keresahan awam kerana membabitkan dana 16.1 juta rakyat Malaysia yang merupakan pencarum KWSP. "

[Menteri Kewangan]

36. PR-1541-U(27)382

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk kembali mempertimbangkan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Dengan mengambil kira implikasi ekonomi Malaysia yang pada masa ini berada pada tahap yang agak baik serta kestabilan Kerajaan Perpaduan pimpinan YAB Perdana Menteri yang semakin mengukuh, telah ramai pihak termasuklah penganalisis bank berpendapat sekarang adalah masa yang tepat untuk Kerajaan memperkenalkan semula GST.

Menerusi GST, Kerajaan berpotensi untuk meluaskan lagi asas cukai bagi mengurangkan defisit fiskal, mewujudkan ruang utama untuk pelaburan infrastruktur serta menghasilkan peluang bagi mengawal hutang negara dengan lebih baik. Malah, dengan pelaksanaan berperingkat e-invois bermula 1 Ogos 2024, yang juga merupakan antara komponen GST, telah memberikan ruang yang baik untuk Kerajaan melaksanakan kembali GST.

Malaysia tidak harus tertinggal di belakang negara Asia Tenggara lain yang telah melaksanakan GST seperti Indonesia yang melaksanakan Value Added Tax (VAT) pada 1985, Thailand pada tahun 1992 dan Singapura pada 1994 selain GST ini telah dilaksanakan di lebih 170 negara.

Kerajaan boleh menstrukturkan semula GST dengan lebih kemas melalui kerangka dasar yang komprehensif meliputi semua barang dan perkhidmatan dengan sesetengah barang boleh dikecualikan, selain satu kadar cukai yang dianggap positif."

[Menteri Kewangan]

37. PR-1541-U(27)383

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk menimbalkan pengecualian daripada pengeluaran e-Invois kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang mempunyai jualan tahunan di bawah RM500,000 berbanding ketetapan semasa Kerajaan iaitu pengecualian untuk peniaga yang mencatatkan jualan tahunan bawah RM150,000 menjelang pelaksanaan menyeluruh e-Invois bermula 1 Julai 2025.

Pelaksanaan e-Invois ini ternyata telah mewujudkan keimbangan dalam kalangan para pemain PMKS yang terpaksa menghadapikekangan kos berikutan perbelanjaan yang tinggi bagi menyediakan sistem pengeluaran serta penyelenggaraan e-Invois di samping risiko margin keuntungan yang rendah.

Peningkatan siling pengecualian e-Invois kepada RM500,000 adalah lebih relevan seperti mana yang pernah dilakukan oleh Kerajaan ketika melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) sebelum ini dan sekaligus mengurangkan beban lebih banyak segmen pemain PMKS seperti pengusaha yang berniaga dari rumah, ibu tunggal dan peniaga luar bandar yang terpaksa menanggung bebanan implikasi kos yang tinggi.

Oleh yang demikian, Kerajaan disaran untuk mempertimbangkan syor peningkatan pengecualian kepada RM500,000 ini bagi mengurangkan keresahan pemain PMKS dengan pelaksanaan e-Invois yang sebenarnya boleh dielakkan sekiranya Kerajaan memperkenalkan semula GST. "

[Menteri Kewangan]

38. PR-1541-U(27)373

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk melaksanakan kajian secara holistik dan komprehensif bagi menghasilkan benih padi yang berkualiti serta mampu bertahan dalam keadaan perubahan cuaca ekstrem di Malaysia.

Kebelakangan ini perubahan iklim yang ketara telah menjaskankan hasil pengeluaran padi tempatan sebanyak 83,408 tan metrik bersamaan 5.84 juta 10 kilogram pek beras disebabkan oleh musim tengkujuh dan banjir. Penjadualan penanaman padi amat terdedah dengan bencana banjir di musim tengkujuh pada hujung tahun manakala musim penanaman semula padi pada awal tahun pula berisiko diancam keadaan cuaca panas melampau yang perlu diatasi dengan kadar segera.

Sehubungan itu, pihak Kerajaan perlu mengambil langkah yang lebih tegas dan efisien dalam menangani isu ini yang bukan sahaja bagi mempercepatkan pengagihan benih padi kepada pesawah supaya jadual penanaman padi tidak terganggu, malah pihak Kerajaan juga perlu membuat kajian yang teliti bagi menghasilkan benih padi yang lebih berdaya tahan dengan perubahan iklim di Malaysia."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

39. PR-1541-U(27)375

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk menjalankan penelitian semula terhadap kajian bagi persediaan serta perancangan pelan pembangunan pendidikan jangka panjang bagi negara.

Mutakhir ini, kita telah dikhabarkan pelbagai peristiwa yang menimbulkan kegusaran masyarakat terhadap ketandusan pembangunan modal insan negara ini terutamanya terhadap generasi baharu yang merupakan generasi yang bakal memimpin dan mentadbir negara tercinta satu hari nanti.

Situasi ini diburukkan lagi dengan statistik kegagalan para pelajar untuk menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang hampir setiap tahun mencapai angka yang membimbangkan sehingga mencetuskan kebimbangan. Sejauh mana keseriusan generasi muda ini menilai kepentingan mendapatkan pendidikan untuk membina kehidupan yang lebih baik.

Dalam keadaan negara serantau yang kian pesat membangun, kesediaan dalam melahirkan modal insan menjadi sangat kritikal terutamanya bagi melahirkan generasi yang mampu berdaya saing dan mendepani cabaran serta persaingan dengan negara-negara serantau.

Oleh yang demikian, Kerajaan perlu mengambil pendekatan berstrategi menerusi pembangunan semula pelan pembangunan pendidikan yang lebih efisien bagi memastikan negara kita mampu untuk melahirkan pakej modal insan yang lengkap dan mampu berdaya saing."

[Menteri Pendidikan]

40. PR-1541-U(27)374

Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [Tanjong Karang] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan segera Skim Pembiayaan Kesihatan Kebangsaan demi kepentingan kesejahteraan rakyat serta kemapanan dan kelestarian KKM itu sendiri.

Situasi semasa menunjukkan KKM sangat terbeban dengan belanja mengurus yang sangat tinggi iaitu sehingga 85.07% atau RM38 bilion daripada bajet keseluruhan KKM dan hanya 14.9% yang diperuntukkan untuk bajet pembangunan maka keadaan ini sangat tidak sihat untuk kemapanan dan kelestarian KKM itu sendiri.

Kelemahan, ketidakmampuan dan kegagalan KKM terlihat jelas dengan segala masalah-masalah yang sentiasa menjadi rungutan rakyat dan juga sering diangkat oleh ramai Ahli-ahli Parlimen - seperti kekurangan jururawat, kekurangan doktor dan doktor pakar serta masalah doktor kontrak, Kekurangan ambulans, ketiadaan ubat, alat-alat perubatan terlalu lama, klinik-klinik daif, hospital yang berumur lebih 50 tahun, hospital yang sesak, tiada sistem komputer, pesakit terpaksa menunggu terlalu lama.

Ketahuilah permasalahan dan segala kelemahan KKM ini sebenarnya adalah manifestasi darikekangan fiskal KKM itu sendiri. Keupayaan KKM dengan 14.9% bajet untuk Pembangunan adalah sangat-sangat terbatas dan ini boleh menyebabkan kualiti dan mutu perkhidmatan KKM terjejas dan terus dipersoalkan rakyat.

Dengan situasi begini adalah diharapkan penyelesaian segera dan menyeluruh dengan menubuhkan Jawatankuasa Bertindak bagi melaksanakan segera Skim Pembiayaan Kesihatan Kebangsaan."

[Menteri Kesihatan]

41. PR-1541-U(27)400

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menerima kewujudan Seksyen (1) Perkara 112C Bahagian 4 Jadual Kesepuluh dan Seksyen (2) Bahagian 4 Jadual Kesepuluh dalam Perlembagaan Persekutuan serta penguatkuasaannya dan menerima hakikat bahawa hak ini adalah hak-hak Perlembagaan Rakyat Sabah.

Menerima juga hakikat bahawa kekeliruan dalam pelaksanaan hak-hak perlembagaan ini dan bahawa selama 44 tahun (1974 – 2018), kadar pemberian khas di bawah peruntukan tersebut gagal dikaji oleh Kerajaan Persekutuan.

Memperakui langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan selepas penubuhan Kerajaan Pakatan Harapan 2018 sehingga kini iaitu bermula dengan menaikkan pemberian kepada RM53.4 juta, kemudian dinaikkan Kerajaan Perikatan Nasional ke RM125.6 juta, pada tahun 2023, dan kemudian Kerajaan Madani naikkan kepada RM300 juta dan baru-baru ini dinaikkan lagi kepada RM600 juta.

Dan menerima hakikat bahawa semua langkah-langkah ini bersifat sementara (interim) sebelum Kerajaan Sabah dan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan hak Perlembagaan Rakyat Sabah sepenuhnya.

Menerima hakikat bahawa pelaksanaan ini mengambil masa begitu panjang sehingga sekarang iaitu negara Malaysia sudah berusia 61 tahun. Maka, Tuaran ingin mengusulkan supaya Dewan yang mulia ini membuat Keputusan untuk melaksanakan Hak Perlembagaan Rakyat Sabah ini secara tuntas termasuk meminda perkara 97(1) Perlembagaan Malaysia untuk membolehkan kerajaan Sabah memungut 40% daripada pungutan hasil Persekutuan daripada Sabah secara langsung."

[Perdana Menteri]

42. PR-1541-U(27)401

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan Menerima Sejarah perang saudara di Selatan Filipina pada awal 70-an yang mengakibatkan ribuan pelarian perang dari Filipina melarikan diri ke Sabah. Menerima hakikat bahawa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui Suruhanjaya Tinggi Persekutuan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Pelarian (UNHCR) telah turun padang dan membantu pelarian ini dengan mewujudkan sekurang-kurang lima (5) skim penempatan pelarian di Sabah (Telipok, Kinarut, Kampung Bahagia Sandakan, Kampung Selamat Semporna dan Kampung Hidayat Tawau).

Dan menerima hakikat Kerajaan Sabah telah bekerjasama dengan UNHCR sehingga mewujudkan sebuah bahagian di Jabatan Ketua Menteri untuk menguruskan penempatan UNHCR ini.

Menerima juga hakikat apabila setelah UNHCR menyerahkan penempatan ini kepada Federal Task Force di bawah Majlis Keselamatan Negara, terdapat kecelaranan dari segi urus tadbir pelarian perang Filipina di Sabah, sehingga penempatan mereka telah bercampur aduk dengan mereka yang bukan pelarian yang menyebabkan banyak masalah dari segi urus tadbir kewarganegaraan dan pelbagai aspek bantuan kemanusiaan.

Menerima hakikat bahawa pelarian perang Filipina ini telah diberi pelbagai dokumen bermula dengan kad burung-burung, kad benci dan selepas itu dokumen IMM13 sehingga sekarang. Menerima juga hakikat bahawa pelbagai pendekatan untuk menaik taraf bentuk dan cara pengeluaran dokumen ini telah banyak dipolitikkan dan akhirnya kini tidak ada kata putus apakah dokumen baru yang diberikan kepada golongan pelarian perang Filipina ini.

Menerima juga hakikat bahawa satu Suruhanjaya Siasatan Diraja telah ditubuhkan oleh Parlimen Malaysia mencari penyelesaian tuntas terhadap kehadiran golongan pelarian perang Filipina di Sabah, namun itu pun telah gagal memberi apa-apa penyelesaian, Malah ramai yang menganggap langkah ini sebagai mainan politik semata-mata.

Oleh sebab itu, Tuaran mengesyorkan supaya Dewan yang mulia ini membahaskan masalah pelarian perang Filipina dengan mengambil kira bagaimanakah masa depan mereka yang kini sudah tiga generasi beranak pinak di Sabah sehingga Kerajaan dapat mengambil Tindakan yang tegas sebelum masalah ini menjadi lebih besar yang boleh menggugat kestabilan dan kedaulatan negara."

[Perdana Menteri]

43. PR-1541-U(27)402

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan Menerima hakikat bahawa kos pembekalan elektrik (penjanaan, penghantaran dan pengagihan) di Sabah adalah lebih tinggi daripada kadar jualan seunit elektrik menyebabkan Sabah Electricity Sdn. Bhd (SESB) mengalami kerugian dan terpaksa bergantung kepada subsidi sokongan tarif (TSS) daripada Persekutuan dengan kadar RM850 juta setahun.

Menerima juga hakikat bahawa Kerajaan perlu mengambil langkah-langkah bagi memastikan penjanaan elektrik mencapai 40% rizab margin dan kos pembekalan elektrik berada di bawah paras jualan untuk mengurangkan beban Kerajaan Persekutuan dalam menampung subsidi sokongan tarif (TSS).

Oleh itu, maka dengan ini Tuaran mengesyorkan agar Dewan yang mulia ini dapat membahaskan langkah-langkah yang boleh diambil sehingga Kerajaan dapat mencari jalan penyelesaian yang tepat untuk menstabilkan bekalan elektrik di Sabah."

[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]

44. PR-1541-U(27)403

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan Menerima hakikat bahawa import makanan negara masih lagi tinggi termasuklah makanan ternakan.

Dan menerima hakikat bahawa tanah yang masih luas untuk dimajukan sebagai tanah pertanian terdapat di Sabah dan Sarawak.

Menerima juga hakikat infrastruktur perhubungan masih lagi pada tahap yang rendah menyebabkan pelbagai usaha untuk meningkatkan keterjaminan makanan terhalang.

Maka itu, Tuaran mengusulkan agar Dewan yang mulia ini ditangguhkan untuk membincangkan langkah-langkah dalam mengatasi dan menaik taraf jalan-jalan pertanian di Sabah dan Sarawak."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

45. PR-1541-U(27)404

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan Menerima Hakikat bahawa kawal selia bekalan elektrik di Sabah telah pun diserahkan kepada Kerajaan Sabah daripada Kerajaan Persekutuan selepas Kelulusan Rang Undang-Undang Pihak Berkuasa Tenaga Boleh Baharu (Pindaan) 2023 (Akta 725) dan Rang Undang-Undang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (Pindaan) 2023 (Akta 726) dalam Dewan Rakyat pada 2023.

Menerima hakikat penyerahan kawal selia telah dimuktamadkan selepas Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah meluluskan tiga Rang Undang-Undang Perlembagaan Negeri Sabah pada 3 Januari 2024 berkaitan pengambilalihan kuasa kawal selia bekalan elektrik daripada Kerajaan Persekutuan membabitkan RUU Bekalan Elektrik 2024, Tenaga Boleh Baharu 2024 dan RUU Suruhanjaya Tenaga Sabah (Pindaan) 2024.

Dan menerima hakikat bahawa kawal selia bekalan elektrik di Sabah kini berada di bawah Suruhanjaya Tenaga Sabah (ECoS), manakala Wilayah Persekutuan Labuan masih di bawah seliaan Suruhanjaya Tenaga (ST) Malaysia.

Menerima juga hakikat bahawa Syarikat Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) merupakan satu-satunya Syarikat utiliti yang membekalkan tenaga elektrik kepada Wilayah Sabah dan wilayah Persekutuan Labuan.

Dan menerima hakikat bahawa geografi Labuan adalah lebih dekat dengan Sabah berbanding dengan Semenanjung Malaysia.

Justeru, Tuaran mengesyorkan agar Dewan yang mulia ini ditangguhkan bagi membuat keputusan pemindahan kawal selia bekalan elektrik Labuan daripada ST kepada ECoS bagi memudahkan pemantauan, meningkatkan kecekapan pengurusan serta mempermudahkan segala urusan dan menjimatkan kos."

[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]

46. PR-1541-U(27)405

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan Menerima hakikat Sejarah bahawa Pulau Labuan diserahkan oleh Kerajaan Sabah menjadi Wilayah Persekutuan dengan niat suci untuk tujuan membangunkan Labuan dengan pesat.

Menerima hakikat Kerajaan Persekutuan telah gagal membangunkan Labuan termasuk menyediakan utiliti bekalan air dan elektrik.

Menerima hakikat bahawa rakyat Labuan adalah juga rakyat Sabah yang masih terikat dengan adat istiadat Sabah dan oleh itu masih lagi memerlukan perkhidmatan sistem Mahkamah Anak Negeri dan seterusnya memerlukan bimbingan dan perkhidmatan di pelbagai agensi Kerajaan Sabah.

Menerima hakikat bahawa penyerahan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan telah dibuat tanpa mengambil kira kesan terhadap persempadanan Sabah.

Dan menerima hakikat penyerahan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan tidak diberi pampasan walau satu sen pun kepada Sabah.

Menerima hakikat bahawa Pulau Labuan terlalu dekat dengan Sabah dan penduduk serta rakyat Labuan mempunyai ikatan yang sangat kuat dengan penduduk Sabah.

Maka dengan itu, Tuaran menyusulkan di Dewan yang mulia ini agar Kerajaan Persekutuan mengembalikan semula Labuan kepada Sabah."

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2025</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
CMD. 1	Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2024	25 Februari 2025
CMD. 1A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama Tahun 2024 Bagi Kerajaan Malaysia	25 Februari 2025
CMD. 2	Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2024	25 Februari 2025
CMD. 2A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2024 Bagi Kerajaan Malaysia	25 Februari 2025
CMD. 3	Penyata Keluaran Wang Daripada Kumpulan Wang Luar Jangka Bagi Tempoh Dari 1 Januari 2024 Hingga 31 Disember 2024 Menurut Peraturan 68 Di Bawah Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat	25 Februari 2025
ST. 31	Penyata Keluaran Wang Daripada Simpanan Luar Jangka Bagi Tempoh Dari 1 Januari 2024 Hingga 31 Disember 2024 Menurut Peraturan Subseksyen 6(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966	25 Februari 2025

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
YB Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy (Kalabakan)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Status Projek Pembangunan Semula Sekolah Daif dan Keperluan Untuk Menambah Peruntukan Pembangunan Atau Penyelenggaraan Sekolah di Sabah 2. Status Pembinaan Jambatan Kampung Pasir Putih ke Jalan Tanjung Batu Logpond 	<ol style="list-style-type: none"> 1. YB Menteri Pendidikan 2. YB Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah
YB Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Krisis Keracunan Logam Berat di Kampung Kelaik, Gua Musang, Kelantan 2. Langkah tegas mengawal kenaikan premium insurans kesihatan yang semakin meningkat pada masa ini 	<ol style="list-style-type: none"> 1. YB Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah 2. YB Menteri Kesihatan

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**